

28/01/2003

PM, isteri terima anugerah

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Hussein Onn, dipilih sebagai penerima Anugerah Penaung Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (Bakti) pada Malam Anugerah Sempena Perayaan Ulang Tahun ke-25 Bakti di Mandarin Oriental di sini, malam tadi.

Dr Mahathir turut diumumkan sebagai salah seorang daripada sepuluh penerima Anugerah Dermawan Setia pada majlis itu. Anugerah disampaikan oleh isteri beliau yang juga Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Siti Hasmah sendiri turut menerima dua anugerah iaitu Anugerah Yang Dipertua dan Anugerah Berkhidmat Sejak 1977, yang disampaikan sendiri oleh Dr Mahathir.

Sempena majlis itu juga, Perdana Menteri selaku penaung badan itu melancarkan logo baru Bakti.